“Pin-Up” ialah perbuatan menampal semua bukti penghasilan projek termasuk Proses Rekabentuk atau Hasil Kerja Projek untuk tujuan pembentangan, Penilaian atau pameran secara kemas dan teratur mengikut format yang ditetapkan.

“Pin-Up” refers to the displaying of all project evidence, including Design Process and Project Work, in a neat and orderly manner according to the specified format for the purposes of presentation, Assessment or exhibition.

“Portfolio Rekabentuk” ialah kompilasi Hasil Kerja Projek yang dihasilkan dalam konteks suasana pengajaran dan pembelajaran Studio sepanjang pengajian pelajar untuk tujuan menunjukkan prestasi dan kebolehan pelajar.

“Design Portfolio” is the compilation of an individual student’s Project Work produced in the context of the Studio teaching and learning environment throughout his or her studies to demonstrate his or her performance and abilities.

“Projek” ialah tugas merekabentuk berasaskan permasalahan yang diberikan di dalam konteks suasana pengajaran dan pembelajaran Studio.

“Project” refers to a design assignment based on problem given in the context of the Studio teaching and learning environment.

“Projek Akhir” ialah Projek utama yang lazimnya mempunyai peratusan markah yang terbesar dan dilaksanakan pada akhir semester.

“Final Project” is the main Project that typically carries the largest percentage of marks and is the last to be assigned in the semester.

“Proses Rekabentuk” ialah peringkat di dalam setiap kemajuan rekabentuk projek.

“Design Process” are the stages in the development of each design project.

“Ruang Studio” ialah ruang fizikal yang menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran berasaskan Studio termasuk ruang kerja individu khusus untuk kegunaan pelajar dan pensyarah dengan waktu penggunaannya boleh dianjurkan bersesuaian dengan keperluan pelajar.

“Studio Space” is the physical space that supports Studio teaching and learning activities, including individual workspaces for the use of lecturers and students and the time available for their use which are flexible based on the needs of the students.

“Sesi Kritik” (atau “critique” atau “crit”) ialah sesi pembentangan, teguran, ulasan atau perbincangan ke atas suatu proses atau hasil rekabentuk di antara pelajar dengan pensyarah atau panel untuk tujuan berkongsi pengalaman pembelajaran dan menegur secara konstruktif.

“Critique Session” (or “critique” or “crit”) refers to sessions for presentation, advice, comment or discussion on the design process or product held between the student and a lecturer or panelist for the purpose of knowledge sharing, learning and constructive criticism.

“Studio” ialah pedagogi berpusatkan pelajar yang menggunakan permasalahan berasaskan projek sebagai medium pendidikan rekabentuk melalui input termasuk kuliah, ‘precedent study’, syarahan, perbincangan, ‘Desk Crit’, Sesi Kritik, ulasan Portfolio Rekabentuk, pameran, aktiviti luar Studio, pembentangan dan pentaksiran.

“Studio” refers to a student-centered pedagogical concept that uses project-based problems as a medium for design education through inputs such as lecture, precedent study, discussion, Desk Crit, Critique Sessions, Design Portfolio comment, exhibition, activity outside of Studio Space, presentation and evaluation.

Garis Panduan Akademik Senibina *Academic Guidelines for Architecture*

SESI AKADEMIK | ACADEMIC SESSION

1. Satu semester akademik lazimnya adalah ditetapkan selama 17 minggu, iaitu 14 minggu perkuliahan dan 3 minggu peperiksaan. Secara kelazimannya, pameran Portfolio Rekabentuk akan diadakan selepas peperiksaan kursus teras.
1. *One academic semester usually consists of 17 weeks: 14 weeks of lecture and 3 weeks of examinations. Typically, Design Portfolio exhibitions will be held after examinations for core courses.*

SISTEM PENILAIAN | ASSESSMENT SYSTEM

Kehadiran Studio

1. Keberadaan di ruang Studio sepanjang Kursus Studio Rekabentuk sedang berjalan juga dianggap sebagai kehadiran kelas dan akan direkod, walaupun tidak ditetapkan sebarang kuliah atau tutorial pada hari tersebut, melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Penyelaras Studio.
2. Pengecualian untuk tidak menghadiri atau berada di Studio hendaklah dimaklumkan kepada Penyelaras Studio dengan alasan yang munasabah sebelum waktu Studio bermula. Kegagalan berbuat demikian boleh dianggap sebagai tidak menghadiri Studio.
3. Ketepatan masa adalah mustahak.

Studio Attendance

1. *Presence in the Studio Space throughout the scheduled Design Studio Course time is required, and attendance will be recorded even if no lectures or tutorials are planned for that day, unless stated otherwise by the Studio Master.*
2. *Requests for absence from Studio must be presented to the Studio Master with a reasonable excuse before the start of Studio. Failure to do so will be treated as absence from Studio.*
3. *Punctuality is necessary.*

Kaedah Penilaian Studio

1. Penilaian Kursus Studio Rekabentuk adalah melalui kaedah Penilaian Berterusan ke atas proses dan Hasil Kerja Projek. Ini dinilai termasuk melalui Sesi Kritik, pembentangan proses, pembentangan akhir dan pelbagai peringkat pembentangan berkaitan yang ditetapkan Penyelaras Studio.
2. Ketidakhadiran salah satu daripada komponen berkenaan boleh menyebabkan markah tidak diberikan bagi komponen tersebut yang boleh mempengaruhi markah akhir.
3. Sesi Kritik mempunyai kepentingan dalam menyampaikan kemahiran rekabentuk asas. Sesi ini menyediakan wadah untuk menonjolkan permasalahan dalam rekabentuk pelajar dan dianggap sebagai proses mengenali amalan profesional, meningkatkan keupayaan pelajar dalam penyampaian idea dan proses rekabentuk, memberikan penyelesaian atau perspektif yang berbeza bagi permasalahan dan mendorong pelajar untuk berfikir secara kritis terhadap karya mereka sendiri. Sesi Kritik ini boleh berlaku dalam suasana formal atau tidak formal; terbuka atau tertutup; dan berkumpulan atau perseorangan.
4. Setiap Sesi Kritik dibuktikan dengan pengisian Kertas Log Kritik (Crit Log Sheet) oleh pelajar yang akan disediakan oleh Penyelaras Studio. Pengisian dan perakuan pensyarah atau panel dalam kertas log setelah Sesi Kritik perlu disahkan oleh Penyelaras Studio sebagai pembuktian proses rekabentuk telah dijalankan. Pelajar yang tidak mengisi kertas log kritik boleh dianggap tidak menghadiri Sesi Kritik tertentu dan ini boleh memberikan tanggapan bahawa proses rekabentuk tidak diikuti secara sistematik. Ini boleh mempengaruhi penilaian ke atas projek.

Method of Studio Assessment

1. *Design Studio Course assessment is conducted by Continuous Assessment of progress and Project Work. It is assessed, among others, by Critique Session, progress presentations, final presentations and a variety of related presentation stages set by the Studio Master.*
2. *Absence from Studio may result in marks not being awarded for a particular assessment component, which may negatively affect final marks.*
3. *Critique Sessions play an important role in the delivery of fundamental design skills. These sessions provide a space to identify problems in student*

designs. They are considered part of the process of absorbing professional practice, elevating student ability to convey their ideas and design process, providing solutions or different perspectives to problems and guide the student to think critically about their own work. Critique sessions may be conducted in formal or informal settings, closed or open and individually or in groups.

- 4. Every Critique Session is documented by the student filling a Crit Log Sheet (Kertas Log Kritik) provided by the Studio Master. The contents of the Crit Log Sheet must be signed by the lecturer or panelist after the session and certified by the Studio Master as proof the process has been carried out. Students who do not fill in their Crit Log Sheet may be considered absent from that Crit Session and this may give the impression that the designed process has not been followed systematically. This in turn may affect the assessment of the project.*

Penghantaran dan Pembentangan

1. Pelajar diwajibkan menghantar Hasil Kerja Projek untuk pembentangan akhir mengikut had masa yang telah ditetapkan oleh Penyelaras Studio.
2. Bagi pembentangan akhir, pelajar hendaklah menampal atau mempamerkan (Pin Up) bukti proses rekabentuk atau Hasil Kerja Projek mengikut had masa yang telah ditetapkan oleh Penyelaras Studio.
3. Penyelaras Studio akan merekodkan bukti dan masa penghantaran kerja Studio. Penghantaran melebihi had masa yang ditetapkan boleh menyebabkan pemotongan sebanyak lima (5) markah akhir penilaian sesi pembentangan tersebut bagi setiap jam, bermula dari satu jam pertama dan setiap satu jam berikutnya. Penolakan penghantaran secara mutlak akan dilaksanakan jika penghantaran dibuat setelah memasuki satu (1) hari berikutnya melainkan dibenarkan oleh Penyelaras Studio.
4. Penghantaran kerja berbentuk fizikal seperti lukisan, model, laporan dan lain-lain akan dicop atau ditanda sebagai bukti penerimaan. Hanya hasil kerja yang telah dicop atau ditanda ini akan dinilai, melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Penyelaras Studio.
5. Penghantaran fail digital hendaklah melalui platform yang telah ditetapkan Penyelaras Studio. Lazimnya platform yang digunakan adalah eLEAP UNIMAS. Saiz fail digital hendaklah mengikut kadar saiz yang boleh diterima oleh platform berkenaan. Penamaan fail digital hendaklah mengikuti

standard penamaan yang ditetapkan untuk tujuan penyimpanan arkib digital mengikut format berikut:

[Sesi Akademik]_[Semester]_[Tugasan]_[Initials]_[Nombor fail]of[Jumlah fail].[Format fail]

Contoh:

[Initials] = Huruf pemulaan nama

CHONG WEI CHING = CWC

SITI MARIAM BINTI ABDUL = SMBA

20202021_1_BEA1016_Assignment1_[CWC]_[1of5].jpg

20202021_2_BEA1016_Assignment2_[SMBA]_[1of3].pdf

6. Sekiranya penghantaran secara muat naik digital melalui platform yang telah ditetapkan mengalami masalah teknikal, maka pelajar hendaklah memaklumkan dan menghantar fail digital secara terus kepada Penyelaras Studio melalui platform yang dipersetujui.
7. Pelajar hanya dibenarkan menghantar fail melalui 'cloud services' atau perkongsian pautan (link sharing) sekiranya saiz fail melebihi had yang dibenarkan platform. Pelajar terlebih dahulu dikehendaki membenarkan akses umum dibuka kepada fail berkenaan dan memastikan fail disimpan di dalam talian sekurang-kurangnya selama lima (5) tahun.
8. Fail bersaiz kecil yang dihantar melalui 'cloud services' atau perkongsian pautan adalah tidak dibenarkan melainkan mendapat persetujuan Penyelaras Studio.
9. Penghantaran hasil kerja Studio melebihi had masa yang ditetapkan hendaklah mendapatkan keizinan daripada Penyelaras Studio secara bertulis selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum tarikh menghantar.
10. Pelajar yang tidak menghantar Hasil Kerja Projek untuk pembentangan akhir akan dianggap tidak menghantar keseluruhan projek tersebut. Penyelaras Studio tidak akan mengambilkira markah penilaian bagi sesi pembentangan tersebut.
11. Bagi pembentangan formal, pelajar hendaklah mengikut lunas etika profesionalisme yang betul termasuk pemakaian pakaian yang bersesuaian, ketepatan masa dan perhatian penuh sepanjang kehadiran pembentangan.

Submission dan Presentation

1. *Students are required to submit their Final Project Work for final presentations according to the deadline set by the Studio Master.*
2. *For final presentations, students must pin up the evidence of their design progress or Final Project Work by the deadline set by the Studio Master.*
3. *The Studio Master will record the evidence and the time of submission of Studio work. Late submission may result in the deduction of five (5) marks from the total marks for that assessment session starting with the first hour and for every hour it is overdue after that. Submission will be completely rejected if it is submitted the following day unless permitted by the Studio Master.*
4. *Submission of physical work such as drawings, models or reports will be stamped or signed as proof of receipt. Only work that has been stamped or signed will be evaluated, unless stated otherwise by the Studio Master.*
5. *Submission of digital files must be through the platform specified by the Studio Master. The platform typically used is UNIMAS eLEAP. Digital file size must meet the acceptable limits of the platform. Digital files must be named according to the specified naming system for archival purposes. The naming system is as follows:*

[Academic Session]_[Semester]_[Assignment]_[Initials]_[File Number]of[File Total].[File Format]

Example:

[Initials] = The first letters of student name

CHONG WEI CHING = CWC

SITI MARIAM BINTI ABDUL = SMBA

20202021_1_BEA1016_Assignment1_[CWC]_[1of5].jpg

20202021_2_BEA1016_Assignment2_[SMBA]_[1of3].pdf

6. *If technical problems are encountered in uploading files to the platform, students must inform the Studio Master and send the files directly to him or her via an agreed-upon alternative platform.*
7. *Students are only allowed to send links to cloud-based file-sharing services if the file exceeds the size allowed by the platform. Students must ensure that they have enabled access to the file and are responsible for making the file is present and available via that link for at least five (5) years thereafter.*

8. *Files of small size may not be sent via cloud services or link sharing without the permission of the Studio Master.*
9. *Late submission of Studio Work must receive written permission from the Studio Master at least three (3) days before the submission deadline.*
10. *Students who do not submit their Project Work for final presentations will be considered to have not submitted work for the entire project. The Studio Master will not evaluate their final presentations for that assessment session.*
11. *For formal presentations, students are expected to follow professional ethics of behavior and dress, including suitable clothing, punctuality and giving their full attention to the presentations of others throughout the session.*

Rayuan Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus

1. Pelajar boleh memohon rayuan menyemak semula keputusan penilaian kursus mengikut kaedah ditetapkan Peraturan Akademik Sarjana Muda UNIMAS.
2. Bagi Kursus Studio Rekabentuk, permohonan rayuan menyemak semula keputusan penilaian adalah terhad kepada kaedah mengira semula markah pentaksiran sahaja.

Appeal to Review Final Course Marks

1. *Students may submit an appeal to review final course marks according to the process specified by the UNIMAS Academic Regulations for Undergraduates.*
2. *For Design Studio Courses, appeals to review final course marks are limited to the process of calculating the marks only*

Plagiat

1. Hasil Studio dan kursus amali Senibina adalah berbentuk visual. Sekiranya terdapat elemen rekabentuk, lukisan, tugasan atau penulisan pelajar yang didapati mempunyai persamaan dengan elemen hasil kerja mana-mana pihak ketiga, contohnya di dalam pola dan aturan pelan atau tampak rekabentuk boleh dikira sebagai plagiat. Justeru, tindakan tatatertib

akademik boleh diambil terhadap pelajar dan keputusan adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Tatatertib Fakulti.

Plagiarism

1. *Project Work and Practical Courses for Architecture are in visual form. In the event there are elements of designs, drawings, writings or other student assignments that are found to contain similarities with elements of the work of any third party, for example if similarities are detected in the shape, form, arrangement or look of a design, this may be considered as plagiarism. Action against the student may be taken according to academic procedures, with the decision resting with the Faculty Procedural Committee.*

Pencapaian Akademik

1. Pelajar adalah dinasihatkan untuk memastikan keputusan penilaian setiap semester adalah baik agar dapat bergraduasi daripada pengajian pada masa yang dibenarkan.
2. Pelajar akan dinasihatkan oleh Penasihat Akademik sekiranya didapati pencapaian pelajar kurang memuaskan terutamanya bagi pengulangan Kursus Studio Rekabentuk yang boleh mengakibatkan pelajar tidak sempat menamatkan pengajian pada tempoh masa yang dibenarkan. Nasihat ini termasuk mencadangkan pelajar untuk bertukar ke program lain.

Academic Achievement

1. *Students are advised to ensure good final marks each semester so that they are able to graduate within the allotted time.*
2. *Students will be advised by their Academic Advisor if their results are not satisfactory, particularly if students fail Design Studio Courses as this may result in students being unable to complete their studies within the allotted time. Advice may include proposing the student transfer to a different programme.*

Garis Panduan Penggunaan Studio Senibina

Architecture Studio User Manual

Pengenalan

1. Garis Panduan Penggunaan Studio Senibina ini bertujuan untuk membina persekitaran pembelajaran yang positif melalui penerapan nilai-nilai murni, rasa hormat, semangat kebersamaan, kerjasama, dan inovasi di antara setiap warga fakulti dan pelajar.
2. Ruang Studio adalah hak dan keistimewaan yang diberikan kepada pelajar Senibina. Sepanjang penggunaan Studio, pelajar hendaklah menghormati pengguna lain dengan menggunakan kemudahan dan melakukan aktiviti secara berhemah.
3. Dengan mewujudkan persekitaran yang positif dan berhemah, proses kreatif dapat dibudayakan dengan lebih baik. Oleh itu, Garis Panduan Penggunaan Studio ini hendaklah dipatuhi setiap masa.

Introduction

1. *The purpose of the Architecture Studio User Manual is to build a positive learning environment by encouraging virtuous attributes, a sense of respect, and a spirit of fellowship, cooperation and innovation among each member of the faculty and student body.*
2. *Studio Space is a special privilege given to architecture students. While using the Studio, students are expected to respect other users by using the facilities and conducting activities in an appropriate manner.*
3. *Creating a positive and respectful studio environment allows the creative process to be better nurtured. For that reason, this Architecture Studio User Manual should be followed at all times.*

Tanggungjawab Umum

1. Pelajar hendaklah cermat dan berhati-hati semasa menggunakan semua kemudahan termasuk ruang, perabot dan peralatan di Studio.
2. Pintu Studio hendaklah sentiasa dikunci sekiranya ruang Studio tidak digunakan. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pelajar untuk

memastikan ruang Studio dan barangan peribadi pelajar dalam keadaan yang selamat.

General Responsibilities

1. *Students are expected to be careful and prudent in the use of all studio facilities including the space, furniture and equipment.*
2. *Studio doors should always be locked when the space is not being used. It is each student's responsibility to ensure that the Studio space and their personal possessions are safe and secure.*

Akses dan Keselamatan

1. Ruang Studio Senibina hanya dibuka untuk pelajar senibina pada masa yang ditetapkan. Setiap pelajar disediakan dengan ruang kerja peribadi. Adalah penting untuk semua pihak menjalankan tanggungjawab dalam memastikan keselamatan dan keselesaan semua.
2. Setiap pelajar akan diberikan nombor pin Studio untuk membolehkan akses pada bila-bila masa. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pelajar untuk memastikan ruang Studio selamat.
3. Pintu Studio hendaklah dikunci apabila tidak digunakan.
4. Laluan kecemasan dan kawasan pemadam api hendaklah dikosongkan daripada sebarang halangan untuk tujuan keselamatan.
5. Barangan peribadi yang berharga (wang, komputer riba, kamera, kalkulator, peranti elektronik, dll.) hendaklah dibawa bersama semasa meninggalkan Studio. Pihak Universiti, Fakulti Alam Bina dan Jabatan Senibina tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kecurian.
6. Pelajar hendaklah melaporkan kepada pihak keselamatan sekiranya mendapati terdapat perkara, objek, haiwan dan aktiviti yang mencurigakan/membimbangkan di sekitar kawasan Studio dan Fakulti.

Access and Security

1. *Architecture studio space is only open to students during specified times. Each student is provided with a personal workspace. It is important that all parties carry out their responsibilities to ensure the safety and comfort of all.*
2. *Each student will be given the studio pin number to allow access at any time. It is the responsibility of each student to ensure the studio space is secure.*

3. *Doors should be locked whenever studio is not in use.*
4. *Emergency exits and fire extinguishers must be kept clear of any obstruction for safety purposes.*
5. *Valuable personal possessions (cash, laptops, cameras, calculators, electronic gadgets, etc.) should be brought with the student when leaving the studio. The University, Faculty of Built Environment and the Department of Architecture will not be held responsible for any loss or theft.*
6. *Students should report any suspicious or troubling object, animal, activity or thing found in or around the studio or Faculty to campus security.*

Etika

1. UNIMAS menitikberatkan imej profesional dan sopan di kalangan pelajar. Pelajar diingatkan supaya sentiasa mematuhi kod berpakaian semasa di Studio atau sebarang aktiviti di dalam kampus. Ini termasuk memakai kasut yang bersesuaian.
2. Merokok / merokok elektronik adalah tidak dibenarkan di Studio, atau di mana-mana kawasan di sekitar Fakulti, termasuk di tangga dan di tandas.
3. Makan dan minum adalah dibenarkan di dalam Studio, namun pelajar dikehendaki membersihkan ruang berkenaan selepas makan dan minum.
4. Semua aktiviti memotong adalah terhad di atas alas pemotong sahaja. Pemotongan tidak boleh dilakukan di atas meja lukis, di lantai, atau di mana-mana permukaan yang tidak dilapik dengan alas pemotong.
5. Semua kerja semburan aerosol termasuk semburan cat dan pelekat adalah terhad di ruang 'spray booth' yang disediakan di luar Studio. Tiada semburan aerosol dibenarkan di dalam ruang Studio, koridor, halaman berumput dan tangga Fakulti.
6. Bahan semburan aerosol hendaklah disimpan di ruang yang selamat kerana bahan-bahan ini berbahaya dan mudah terbakar.
7. Pelajar tidak boleh mengganggu, membongkar, atau memindahkan perabot. Pelajar dilarang menampal sesuatu, menyekru, melekat sesuatu, atau membongkar mana-mana kerusi atau meja tanpa kebenaran.
8. Pelajar tidak boleh membawa perabot atau perkakas dari atau ke Studio seperti kerusi, sofa, peti sejuk, periuk nasi, ketuhar gelombang mikro, pembancuh kopi, dan lain-lain, tanpa kebenaran daripada pejabat

Pentadbiran FAB.

9. Pelajar hendaklah tidak mendekati atau memberi makanan kepada haiwan yang dijumpai di sekitar Fakulti bagi menjaga keselamatan dan kesihatan diri. Pelajar tidak dibenarkan memelihara haiwan peliharaan di Studio.
10. Sebarang bayaran atas kerosakan di Studio atau kehilangan peralatan akan dikenakan ke atas pelajar, sama ada secara individu atau kolektif bergantung kepada keadaan, untuk menampung kos penggantian atau pembaikan.

Ethics

1. *UNIMAS takes seriously the need for a professional image and behavior among students. Students are reminded to always follow the dress code while in studio or during campus activities. This includes appropriate footwear.*
2. *Smoking or vaping is not allowed in studio, or anywhere around the faculty, including stairwells and toilets.*
3. *Eating and drinking in studio is allowed; however, students are expected to clean up after themselves.*
4. *All cutting must be done on cutting boards and mats only. Cutting may not be done directly on drafting tables, floors or any other surfaces not covered with a cutting board or mat.*
5. *All aerosol spraying, including spraypaint and fixatives are restricted to the 'spray booth' area provided outside the studio space. No aerosol spraying is allowed inside studio, or at the corridors, stairwells or grounds of the faculty.*
6. *Aerosol sprays are to be stored in a safe location as they are dangerous and flammable materials.*
7. *Students may not disturb, rearrange or move furniture. Students are not allowed to nail, screw, glue or stick anything to chairs or tables, nor to disassemble furniture without permission.*
8. *Students may not bring furniture or equipment to or from the studio, including chairs, sofas, fridges, rice cookers, microwaves, coffee makers etc., without permission from FBE administration office.*
9. *Students should refrain from approaching or giving food to animals found around the faculty for their own safety and health. Students may not keep pets in the studio.*
10. *Charges for damage to the studio or loss of studio equipment will be*

assessed to the student or students responsible, individually or collectively, based on the situation in order to cover the costs of replacement or repair.

Kebersihan

1. Semua sampah hendaklah dibuang ke dalam bekas sampah yang sesuai yang disediakan oleh UNIMAS. Pelajar bertanggungjawab untuk semua kos pembersihan, mengecat atau pembaikan yang disebabkan oleh penyalahgunaan atas kecuaiian ke atas harta Universiti.
2. Pelajar hendaklah bertanggungjawab menjaga kebersihan Studio dan mengitar semula sekiranya mampu. Pelupusan sisa yang tidak sewajarnya, menyebabkan persekitaran kerja yang tidak selamat, mengundang haiwan perosak dan mencemari ekosistem.
3. Sisa makanan dan minuman terutamanya gula-gula getah hendaklah dibuang di tong sampah yang disediakan di luar Studio. Sila pastikan sampah tidak mengandungi sebarang cecair sebelum dibuang ke dalam tong sampah.
4. Bilah pisau yang telah digunakan hendaklah dilupuskan dengan betul. Pelupusan bilah secara sebarangan akan menyebabkan risiko kecederaan. Sebarang bilah pisau hendaklah disimpan di dalam bekas yang sesuai.
5. Ruang kerja hendaklah dibersihkan dan dirapikan setiap kali selepas digunakan.

Cleanliness

1. *All rubbish should be disposed of in the appropriate bins provided by UNIMAS. Students are responsible for all cleaning, painting or repair costs caused by carelessness or misuse of University property.*
2. *Students are responsible for maintaining cleanliness of the studio and recycle if possible. Improper disposal of waste causes an unsafe work environment, invites pests and pollutes the natural environment.*
3. *Food waste, particularly sweets and chewing gum, should be thrown in the rubbish bins provided outside the studio. Please ensure rubbish does not contain liquids before throwing it in the bin.*
4. *Used blades and sharps should be disposed of properly. Careless disposal of*

blades and sharps carries the risk of injury. All blades and sharps should be placed in an appropriate container.

5. *Workspaces should be cleaned and tidied every time after use.*

Persekitaran

1. Pelajar tidak boleh menyalahgunakan Studio, peralatan atau bahan berkaitan untuk tujuan selain daripada pengajaran dan pembelajaran.
2. Pelajar dikehendaki menghormati keperluan orang lain yang bekerja di Studio atau di kawasan sekitarnya.
3. Pelajar tidak boleh meminjam bekalan atau peralatan daripada individu lain tanpa pengetahuan dan kebenaran daripada individu tersebut.
4. Ruang kerja pelajar adalah diperuntukkan secara individu. Pelajar tidak dibenarkan mengganggu ruang pelajar lain.
5. Pelajar dilarang memainkan muzik/ alat muzik atau media pada tahap yang boleh mengganggu ketenteraman orang lain.

Environment

1. *Students may not misuse the studio, studio equipment or related materials for purposes other than teaching and learning.*
2. *Students are expected to respect the needs of others working in the studio or the surrounding area.*
3. *Students may not borrow equipment or supplies from anyone without the knowledge and permission of the person involved.*
4. *Student workspaces are provided on an individual basis. Students may not disturb the workspace of others.*
5. *Students are not allowed to play music, musical instruments or other media at levels that disturb the peace and comfort of others.*

Tempoh Penggunaan Studio

1. Penggunaan ruang Studio adalah diberikan kepada pelajar yang mengikuti Kursus Studio Rekabentuk bagi semester berkenaan sahaja. Tempoh penggunaan Studio adalah diperuntukkan bagi sepanjang semester tersebut.

2. Semua hasil kerja, bahan, barangan dan peralatan peribadi hendaklah dikeluarkan dari Studio sebelum cuti semester bermula. Pihak Fakulti berhak untuk melupuskan/ memindahkan/ membuang/ mengambil segala barangan berkenaan sekiranya perlu selepas tempoh tersebut.
3. Ruang kerja hendaklah dibersihkan dan ditinggalkan dalam keadaan baik bagi membenarkan pengguna pada semester seterusnya menggunakan ruang dan kemudahan tersebut dalam keadaan yang baik.
4. Secara lazimnya, penggunaan Studio pada hari bekerja adalah dibenarkan dari jam 8 pagi sehingga 5 petang. Permohonan kebenaran penggunaan di luar hari dan masa tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Jabatan Senibina selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum penggunaan untuk mendapatkan kelulusan dekan fakulti.

Duration of Studio Usage

1. *Use of studio space is provided to the students who are enrolled in Design Studio Courses for that semester only. Usage of the studio is provided for the length of that semester only.*
2. *All student work, materials, personal possessions and equipment is to be removed from the studio before the start of semester break. The Faculty has the right to dispose of, move or seize anything left behind after the duration of the semester.*
3. *Workspaces should be cleaned and left in good condition to allow students to make good use of the space and facilities for the following semester.*
4. *In general, use of the studio is allowed from 8AM to 5PM on workdays. Students may request permission to use the studio outside those hours by informing the Head of Department at least three (3) days in advance to obtain the dean's approval.*

Pelaporan Isu

1. Sekiranya terdapat sebarang isu di Studio (kawalan suhu, masalah pencahayaan, kebocoran siling, kerosakan perabot, haiwan liar dan lain-lain.), sila hubungi pejabat Pentadbiran FAB. Arahan kerja berkaitan akan dikeluarkan untuk menyelesaikan isu tersebut.

Reporting Issues

1. *If any issues arise in Studio (airconditioning, lighting problems, leaking, damage to furniture, wild animals, etc.), please contact the FBE Administration office. The relevant work order will be issued to resolve the situation.*

Talian Kecemasan / Emergency Hotline

Talian Utama Keselamatan UNIMAS <i>UNIMAS Security Hotline</i>	082-581999
Pondok Keselamatan Utama UNIMAS <i>UNIMAS Main Guardhouse</i>	082-583904
Bilik Kawalan CCTV UNIMAS <i>UNIMAS CCTV Control Room</i>	082-581004
Polis Kota Samarahan <i>Kota Samarahan Police Department</i>	082-662300
Polis Daerah Kuching <i>Kuching Police Department</i>	082-240800
Jabatan Bomba dan Penyelamat Kota Samarahan <i>Kota Samarahan Fire Department</i>	082-673881
Pusat Kesihatan UNIMAS <i>UNIMAS Health Centre</i>	082-581604 / 1602 / 1608 / 1606 / 1607 / 1611 / 1601
Pejabat Pentadbiran FAB <i>FBE Administration Office</i>	082-581890 / 1891 / 1892

Garispanduan Program Ukur Bahan

Quantity Surveying Programme Guidelines

TAKRIF | Glossary

“Akreditasi” ialah pengiktirafan rasmi terhadap sesuatu kursus pengajian, institusi dan sebagainya setelah dinilai dan didapati memenuhi segala kriteria, syarat, kualiti yang ditetapkan.

“Accreditation” is official recognition of a particular course of studies, institution or similar after it has been evaluated and found to fulfil all the necessary criteria, requirements, and standards of quality.

“Antarsesi” ialah satu tempoh pengajian yang diadakan dalam masa cuti akhir. **“Intersession”** refers to a period of study held during the recess at the end of the academic year.

“Lembaga Ukur Bahan Malaysia (LJBM)” ialah badan berkanun yang ditubuhkan melalui Akta Parlimen yang dengan nama Registration of Quantity Surveyor Act 1967 (yang juga dikenali sebagai Quantity Surveyor Act 1967).

“Board of Quantity Surveyors Malaysia” is a statutory body established by an Act of Parliament known as the Registration of Quantity Surveyor Act 1967 (also known as the Quantity Surveyor Act 1967).

“Latihan Industri” ialah salah satu kursus yang wajib diambil di dalam program ukur bahan dan syarat yang diwajibkan ke atas setiap pelajar sebelum dianugerahkan ijazah.

“Industrial Training” is a required course in the Quantity Surveying programme that is mandatory for every student before they can be granted a degree.

“Ruang Studio” ialah ruang fizikal yang menyokong aktiviti di atas termasuk ruang kerja individu khusus untuk kegunaan pelajar dan pensyarah dengan waktu penggunaannya boleh dianjurkan bersesuaian dengan keperluan pelajar.

“Studio Space” is the physical space that supports Studio teaching and learning activities, including individual workspaces for the use of lecturers and students and the time available for their use which is flexible based on the needs of the students.

PENILAIAN | Assessment

Rayuan Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus | Appeal for Review of Final Marks

Pelajar boleh memohon rayuan menyemak semula keputusan penilaian kursus mengikut kaedah ditetapkan Buku Peraturan Akademik Sarjana Muda UNIMAS. Bagi Kursus yang hanya mempunyai pentaksiran berterusan, permohonan rayuan menyemak semula keputusan penilaian adalah terhadap kepada kaedah mengira semula markah pentaksiran sahaja.

Students may submit an appeal to review final course marks according to the process specified by the UNIMAS Academic Regulations for Undergraduates. For courses that only have continuous assessment, appeals to review final course marks are limited to the process of calculating the marks only.

Plagiat | Plagiarism

Pelajar juga tertakluk pada etika plagiat untuk mengelak disabitkan isu menciplak idea hasil kerja pihak lain. Pelajar yang didapati melakukan plagiat di dalam penilaian berterusan dan peperiksaan akhir akan dikenakan tindakan tatatertib dan keputusan adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Tatatertib Fakulti.

LATIHAN INDUSTRI | Industrial Training

Jangka Masa Latihan Industri | Duration of Industrial Training

Untuk latihan industri yang dimasukkan dalam kurikulum, jangka waktu minimum enam (6) bulan untuk peringkat ijazah. Sebilangan bentuk penilaian harus dilakukan untuk latihan industri dan pelajar perlu merujuk pada Buku Panduan Latihan Industri, Program Ukur Bahan, Fakulti Alam Bina, UNIMAS.

For industrial training covered in this curriculum, the minimum duration is six (6) months for undergraduates. Some form of assessment must be carried out for the industrial training; students need to refer to the Industrial Training Guidebook of the UNIMAS FBE Programme in Quantity Surveying.

Latihan Industri Semasa Sesi Antarsesi | *Practical Training during the Intersession*

Jangka masa Latihan industri akan melalui minggu antarsesi selama enam (6) bulan bermula minggu pertama semester 2 sehingga enam (6) bulan berikutnya bagi memenuhi keperluan Lembaga Ukur Bahan Malaysia.

To meet Board of Quantity Surveyors Malaysia requirements, Practical Training begins in the first week of Semester 2 and runs for six (6) months inclusive of the intersession.

Markah Penilaian Latihan Industri | *Industrial Training Marks*

Markah penilaian kursus latihan industri akan dinilai dan dikeluarkan semasa sesi antarsesi selepas tamat latihan industri.

Student performance for Industrial Training is assessed and given marks, which will be published during the intersession after the end of the Industrial Training.

Persatuan Pelajar Alam Bina (BE:On)

Built Environment Student Organization (BE:On)

Pengenalan | Introduction

Built Environment Student Organization (BE:On) atau Persatuan Pelajar Alam Bina secara rasminya ditubuhkan dan didaftarkan di bawah Fakulti Alam Bina. Fakulti berhasrat menyemai semangat berpersatuan di kalangan pelajar melalui penglibatan mereka secara proaktif bukan sahaja dalam pelajaran dan pembelajaran formal, malah di luar konteks tersebut. Penubuhan satu entiti persatuan pelajar di peringkat Fakulti adalah bagi menunjangi hasrat tersebut.

